



Ban Nua Kampung Angkat UniMAP

Kampung Ban Nua, yang terletak di wilayah selatan Thailand, di sini telah dipilih sebagai kampung angkat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sempena Program Liqa' Mawaddah anjuran Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) UniMAP pada 20 Julai 2013 lalu.

Tujuan UniMAP mengambil Kampung Ban Nua sebagai kampung angkat adalah bagi membantu masyarakat Islam di situ dalam meningkatkan taraf pendidikan di kawasan terbabit. Ia merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) UniMAP kepada masyarakat bukan sahaja dalam bidang pendidikan, malahan dalam bidang kerohanian, kebajikan dan lain-lain lagi.

Turut bercemar duli berangkat hadir, Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Hadir sama, Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Jeneral Konsulat Malaysia di Songkhla, Mohd Faizal Razali, Ketua Polis Perlis, Dato' Zull Aznam Haron dan Imam Masjid Ban Nua, Wisoot Lateh. Terdahulu, seramai 30 mahasiswa dari UniMAP dan Raja Manggala University of Technology Srivijaya melakukan kerja-kerja amal seperti gotong royong dan membantu pembelajaran kanak-kanak di kampung terbabit.

